



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 01/2001
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jabatan Perdana Menteri sukacita mengucapkan selamat menyambut tahun baru masehi 2001 dan Selamat Hari Raya kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di seluruh negara termasuk mereka yang bertugas di Kedutaan-Kedutaan Besar dan Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi Kerajaan di seberang laut.

Jabatan Perdana Menteri juga sukacita merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan diatas taat setia dan sokongan padu yang tidak berbelah bahagi yang telah diberikan secara berterusan kepada kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Baginda. Kerjasama dan sumbangan-sumbangan ikhlas yang telah diberikan oleh semua pegawai dan kakitangan sepanjang tahun 2000 telah dapat menyumbang kepada pengendalian keamanan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini, disamping dapat mendekatkan kita kearah merealisasikan Perkhidmatan Awam yang cemerlang dan berwibawa yang dapat mencerminkan imej baik negara dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam kesempatan ini, Jabatan Perdana Menteri dengan amat sukacita juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua Pegawai dan Kakitangan Kerajaan yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam mengendalikan mesyuarat APEC 2000 pada bulan November 2000. Walaupun tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan pada mulanya adalah berat tetapi dengan keazaman dan semangat yang kental dan kerjasama jitu daripada Pegawai dan Kakitangan melalui Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja APEC 2000 yang diamanahkan kita telah mampu membuat kejutan walaupun kemampuan kita pada mulanya seringkali dipertikaikan.

Kita telah mampu memperlihatkan dan membuktikan kepada masyarakat dunia bahawa walaupun kita kecil dari segi saiz tetapi dengan semangat kerjasama dan perancangan yang rapi serta perpaduan yang mantap dari semua pihak termasuk anggota Perkhidmatan Awam kita dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua dan atas berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berjaya mengendalikan persidangan tersebut dengan sempurna dan jayanya.

Iktibar yang dapat kita ambil daripada kejayaan kita mengendalikan Persidangan APEC 2000 ialah, melalui kegigihan dan komitmen yang jitu, kordinasi dan semangat kerja berpasukan yang tinggi, perancangan yang rapi serta keyakinan kepada diri kita sendiri dan sentiasa bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala adalah merupakan kunci kepada kejayaan dalam menghadapi apa jua cabaran. Adalah diharapkan semangat yang telah diperlihatkan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam di sepanjang Persidangan APEC 2000 akan terus dijadikan sebagai budaya kerja serta pendorong dan pemangkin kearah membawa perubahan sikap dan minda yang positif dan dinamik bagi menuju kepada Perkhidmatan Awam yang berwibawa dan cemerlang.



Dengan ketibaan tahun baru ini, marilah kita membaharui semula azam dan tekad untuk terus mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan kita masing-masing. Abad 21 sememangnya memerlukan Perkhidmatan Awam yang lebih cekap, bersih, efisien dan dinamik disamping berupaya untuk berdayasaing dan mampu memenuhi permintaan-permintaan semasa bagi menghadapi perubahan yang dibawa oleh arus permodenan dan era globalisasi.

Untuk membawa Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sentiasa memenuhi tuntutan beralihan masa dan bersifat dinamik dan progresif, Wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke-21 yang telah diperkenalkan antara lain mengutamakan penekanan akan pentingnya semua anggota perkhidmatan awam bekerja keras serta sentiasa memberikan tumpuan sepenuhnya dalam melaksanakan kerja dan tugas yang amanahkan dengan penuh komited, dedikasi, inovatif dan produktif disamping sentiasa mengamalkan nilai-nilai yang murni seperti berakhlak mulia, jujur, amanah dan beretika disamping terus berusaha menghasilkan kerja-kerja dengan berkesan dan berkesan serta dapat menepati kehendak orang ramai.

Serubungan dengan ini, bagi memenuhi perkembangan teknologi maklumat dan informasi, penguasaan penggunaan dan aplikasi e-Government didalam Perkhidmatan Awam oleh semua pegawai dan kakitangan kerajaan adalah merupakan satu kemestian kearah pembentukan Perkhidmatan Awam yang efisien dan dinamik.

Matlamat sebenar yang kita ingin capai ialah bagi membawa Perkhidmatan Awam ke mercu kecemerlangan yang mampu berdaya saing dan bertahan menghadapi cabaran-cabaran. Walau bagaimanapun, wawasan ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan berkesan tanpa adanya kerjasama, dokongan padu dan komitmen disemua peringkat.

Dalam konteks penerapan wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke-21, pegawai dan kakitangan bukan sahaja mempunyai tanggungjawab bagi menjayakannya tetapi juga perlu memahami sepenuhnya etika dan nilai-nilai kerja dengan penuh keyakinan. Tanpa ada kefahaman, kesedaran dan komitmen yang tinggi, tidak mungkin ianya dapat diterapkan secara menyeluruh di dalam organisasi dan agensi-agensi kerajaan. Hanya melalui penglibatan secara 'total' sahajalah kita dapat melahirkan Perkhidmatan Awam yang lebih proaktif, responsif dan komited pada membawa pembaharuan dan pembaikan.

Dalam usaha yang berterusan kearah menjadikan sektor awam sebagai pemudahcara dan rakan kongsi kepada sektor swasta dan orang ramai, peningkatan perkhidmatan melalui Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) yang berjalan disemua Jabatan dan Kementerian hendaklah sentiasa diperkemaskinikan dari masa kesemasa. Dalam hubungan ini, Ketua-Ketua Jabatan perlulah sentiasa memberikan perhatian bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dan memperbaiki TPOR di Jabatan masing-masing. Dalam waktu yang sama, semua pegawai dan kakitangan kerajaan adalah juga mempunyai tanggungjawab yang sama kepada kejayaan pelaksanaan Tekad Pemedulian Orang Ramai di Jabatan masing-masing kearah memberikan perkhidmatan yang memuaskan dan efisien.

Kita jua perlu terus mempertingkatkan amalan berjimat cermat dalam mengatur perbelanjaan Kerajaan bagi mengelakkan berlakunya pembaziran. Kearah ini, semua Pegawai dan Kakitangan Kerajaan haruslah bersikap prihatin dan bertanggungjawab dalam sama-sama menanai hasrat kerajaan untuk menjimatkan perbelanjaan. Dalam waktu yang sama, usaha berterusan hendaklah dipertingkatkan untuk meningkatkan



pendapatan hasil kerajaan dengan sentiasa membuat kajian keatas proses dan prosedur kerja di Jabatan dan Kementerian masing-masing bagi menghasilkan perkhidmatan dan tatacara pengutipan hasil yang lebih berkesan.

Dalam kita menuju kepada perubahan dan pembaharuan sikap, disamping mempunyai disiplin kerja yang tinggi dan patuh kepada peraturan-peraturan, kita hendaklah sentiasa memohon kekuatan dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan terus mengamalkan membaca Al-Quran sebelum memulakan waktu bekerja di pejabat-pejabat seperti mana yang telah pernah di titahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga dengan mengamalkan bacaan doa didalam pejabat sebelum memulakan pekerjaan.

Akhirnya, Jabatan Perdana Menteri menaruh harapan semoga tahun 2001 akan menyaksikan beberapa kemajuan dan pembaharuan yang akan merealisasikan hasrat kita untuk melihat Perkhidmatan Awam yang lebih berwibawa, cemerlang, produktif, inovatif dan bertanggungjawab.

Sekian.

[DATO PADUKA HAJI HAZAIR HAJI ABDULLAH]

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman, BA1000
Bandar Seri Begawan,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Rujukan : (01) JPM/SK/2001

Tarikh : 06 Syawal 1421
02 Januari 2001